

WAN NORMAH BINTI WAN MAHMUD

NO. KAD PELAJAR:

DIPLOMA IN TEXTILE DESIGN  
KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL-EHSAN

TAJUK THESIS:

REKACORAK DAN REKABENTUK PAKAIAN TRADISIONAL  
BABA NYONYA DAN CINA  
- SATU PERBANDINGAN

## PENGHARGAAN

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Lebih dahulu Penulis mengucapkan syukur kehadrat Allah kerana dengan limpah kurniaNya, Penulis telah berjaya menyiapkan Thesis ini. Terimakasih Penulis kepada Ketua Kursus Encik Ahmad Badaruddin Bin Fadhil dan Encik Sulaiman Bin Abd. Ghani selaku penasihat Penulis. Juga kepada kakitangan Muzium Negara terutama kakitangan Perpustakaan dan Jabatan Fotografi terutama Puan Zalleha yang sudi menolong Penulis mengambil gambar dari Galeri Muzium Negara.

Juga kepada pihak Baba Muzium Heritage Melaka, yang sudi memberi kerjasama mereka, Dewan Bahasa Dan Pustaka yang membenarkan Penulis membuat rujukan kerana tanpa kerjasama dari mereka Thesis ini tidak dapat dilaksanakan.

Akhir sekali Penulis ingin mengucapkan ribuan terimakasih yang tidak terhingga kepada Ayahanda tercinta serta kakak Penulis yang disayangi, yang telah bersusah payah menolong menaipkan Thesis ini dan kepada semua yang terlibat, syukur kepada hadrat Ilahi atas kurniaNya sehingga terjadinya semua ini.

TERIMAKASIH DAN WASSALAM.

**TAJUK: REKACORAK DAN REKABENTUK PAKAIAN BABA NYONYA  
DAN CINA - SATU PERBANDINGAN**

Muka Surat

**BAB 1**

**DEFINASI PAKAIAN**

1

**TUJUAN KAJIAN PENYELIDIKAN**

1 - 2

**BAB 2**

**ASAL USUL KEDATANGAN ORANG-ORANG CINA  
KE TANAH MELAYU**

3 - 5

**PEMBENTUKAN MASYARAKAT CINA TEMPATAN**

6 - 8

**BAB 3**

**UNSUR-UNSUR KEBUDAYAAN DI DALAM MASYARAKAT CINA**

9 - 11

**BAHASA**

9

**GAYA HIDUP**

9

**KEPERCAYAAN**

10

**MASAKAN**

10

**ADAT ISTIADAT**

10

**PERKAHWINAN ORANG-ORANG CINA**

10

**KEMATIAN**

11

**UNSUR-UNSUR KEBUDAYAAN ORANG-ORANG BABA DAN  
NYONYA**

12

**BAHASA**

12 - 13

**GAYA HIDUP**

13

**HIBURAN**

14

**DARI SEGI POLITIK**

14 - 15

**KEPERCAYAAN**

15 - 16

**PERAYAAN WANG KANG**

16

**PERAYAAN TANG CHENG ATAU WINGER SOLSTIC**

17

**PERAYAAN TAHUN BARU CINA**

17

## **REKACORAK DAN REKABENTUK PAKAIAN BABA NYONYA DAN CINA SATU PERBANDINGAN**

### **DEFINASI PAKAIAN**

Apa itu pakaian? Pakaian ialah sejenis alat untuk menutup badan untuk mengelakkan diri dari cuaca sejuk dan panas.

Sebelum manusia bertamadun, manusia mencipta pakaian dengan membuat baju menggunakan daun-daun pokok, kulit-kulit binatang, kulit bulu binatang dan dari batang-batang pokok. Pakaian dijahit dengan tulang-tulang binatang terutama pakaian dari kulit binatang.

Dengan arus komodenan, maka terciptalah banyak fesyen-fesyen pakaian yang lebih moden dengan alat-alat mesin yang lebih sofistikated.

### **TUJUAN KAJIAN PENYELIDIKAN**

Berbagai kajian dan penyelidikan telah dikemukakan bagi menghuraikan berbagai persoalan mengenai sosio-budaya masyarakat Cina di Malaysia. Orang-orang Cina dan orang-orang Cina Peranakan mempunyai dua unsur budaya yang berlainan di antara keduanya. Meskipun kedua kaum ini adalah asalnya satu bangsa tetapi keduanya terdapat banyak kelainan yang mempunyai ciri-ciri sejarah dan sosio-budaya yang begitu unik dan tersendiri.

Masyarakat Cina Peranakan berbeza daripada kaum Cina yang lain. Sungguhpun pada hari ini golongan Baba sudah semakin pupus dan tidak memainkan peranan penting dalam pembentukan politik, ekonomi, sosial dan kebudayan tempatan, namun warisan mereka masih dikagumi dan keindahan di dalam warisan mereka masih lagi dapat dinikmati oleh generasi hari ini.

Dengan penyelidikan tentang pakaian tradisional masyarakat Cina Peranakan dan Cina ini serta perbandingan-perbandingan keduanya maka kaitan keduanya dapat memperlihatkan persefahaman dan persaudaraan dengan masyarakat berbilang kaum khususnya kaum Cina Peranakan dengan orang-orang Cina dan Melayu dan persamaan yang terdapat di antaranya.